TAHAP KONSEPSI VERSATILITI PELAJAR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

The Level of Versatility Conception Among Students of the Bachelor of Teaching Degree Program (PISMP) at the Institute of Teacher Education, Ilmu Khas Campus

[1]Lee Leh Hong (PhD), [2]Ilhavenil Narinasamy (PhD), & [3]Firdaus Abdul Fatah (PhD)
[1,2,3]Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur

Corresponding author: firdaus@ipgkik.edu.my

Received: 3/3/2026 Revised: 1/7/2026 Accepted: 11/7/2026 Published: 10/10/2026

DOI: https://doi.org/10.61374/temp11.25

ABSTRAK

Institusi Pendidikan Guru beraspirasi untuk melahirkan guru yang versatil, kompeten dan berjiwa pendidik berteraskan pendidikan inklusif, selaras dengan aspirasi Kerangka Malaysia Madani. Model Pelajar Versatil IPG telah dibangunkan menggunakan Teknik *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan konsensus daripada pakar pendidikan terhadap elemen-elemen utama model. Dapatan awal menunjukkan empat komponen dan lapan belas elemen utama mencapai tahap kesepakatan melebihi 75%. Dapatan konsensus ini menandakan penerimaan dan persetujuan yang tinggi dalam kalangan pakar. Sehubungan itu, satu instrumen yang komprehensif telah dibangunkan berdasarkan model yang dicadangkan dalam dapatan awal melalui pengesahan pakar. Terdapat 57 item keseluruhannya dalam soal selidik ini dan telah ditadbirkan kepada pelajar PISMP Ambilan Ogos 2021-Julai 2026 dan Ambilan Ogos 2021-Julai 2025 di sebuah Institut Pendidikan Guru di Lembah Kelang. Seramai 391 responden telah menjawab soal selidik ini. Kebolehpercayaan bagi ke semua 15 elemen dalam model ini mempunyai nilai Cronbach's Alpha yang tinggi iaitu antara 0.706 – 0.886. Hasil dapatan analisis menunjukkan tahap konsepsi versatiliti pelajar terhadap kesemua komponen model berada pada tahap tinggi iaitu komponen Strategi Pembelajaran dengan min 4.25 dan SP 0.50; komponen Karakter Pelajar dengan min 4.25 dan SP 0.52; komponen Literasi Digital dan Inovatif dengan min 4.16 dan SP 0.52; dan komponen Inklusif dengan min 4.24 dan SP 0.51. Walaupun keputusan ini mengesahkan kesesuaian, keberterimaan dan potensi model ini dalam membentuk bakal guru yang inklusif, responsif dan versatil, namun kesahan konstruk bagi Model Pelajar Versatil ini perlu dijalankan pada kajian akan datang.

***Kata kunci**: Model Pelajar Versatil, Tahap Versatiliti, Fuzzy Delphi*

ABSTRACT

Teacher Education Institutions aspire to produce versatile, competent, and educator-minded teachers grounded in inclusive education, in line with the aspirations of the Malaysia Madani Framework. The IPG Versatile Student Model was developed using the Fuzzy Delphi Technique to reach consensus among educational experts on the model's key elements. Preliminary findings indicated that four components and eighteen key elements achieved a consensus level exceeding 75%. This consensus reflects a high level of acceptance and agreement among experts. Subsequently, a comprehensive instrument was developed based on the proposed model from the preliminary findings using the Fuzzy Delphi method through expert validation. The questionnaire consisted of a total of 57 items and was administered to PISMP students from the August 2021–July 2026 and August 2021–July 2025 cohorts at a Teacher Education Institute in the Klang Valley. A total of 391 respondents completed the questionnaire. The reliability of all 15 elements in the model demonstrated high Cronbach's Alpha values ranging from 0.706 to 0.886. The analysis findings revealed that students' perceptions of versatility towards all components of the model were at a high level, namely the Learning Strategies

component with a mean of 4.25 and SD of 0.50; the Student Character component with a mean of 4.25 and SD of 0.52; the Digital and Innovative Literacy component with a mean of 4.16 and SD of 0.52; and the Inclusive component with a mean of 4.24 and SD of 0.51. Although these findings confirm the suitability, acceptability, and potential of the model in shaping inclusive, responsive, and versatile future teachers, construct validity for the Versatile Student Model should be examined in the future.

Keywords: *Versatile Student Model, versatility level, Fuzzy Delphi*

PENGENALAN

Dalam era globalisasi yang menuntut kecemerlangan pendidikan sejagat, aspek kualiti pendidik menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan pendidikan di peringkat antarabangsa (Xuehui, 2018; Wang & Shih, 2022). Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan komitmen berterusan dalam merangka strategi dan pelaksanaan dasar bagi memastikan pelantikan pendidik yang berkualiti, demi menjamin penyampaian pendidikan yang holistik dan berkesan kepada murid. Antara inisiatif utama yang digariskan ialah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013–2025), yang menekankan transformasi menyeluruh dalam sistem pendidikan negara. Gelombang pertama PPPM memberi fokus kepada penambahbaikan kualiti latihan praperkhidmatan guru sebagai asas kepada pembentukan pendidik masa depan yang berkualiti. Manakala dalam Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035, salah satu teras strategik ialah mentransformasi pendidik agar berkeupayaan tinggi dan berorientasi masa hadapan Salah satu fokusnya ialah mentransformasikan latihan keguruan agar bersifat adaptif, dinamik dan relevan (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2026). Ini bermaksud KPM ingin menghasilkan guru yang versatile dan boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi.

Selaras dengan aspirasi tersebut, Institut Pendidikan Guru peringkat kampus di bawah kelolaan Institut Pendidikan Guru Malaysia turut menggembleng usaha secara menyeluruh dalam melahirkan graduan pendidik yang versatil, berkemahiran tinggi dan memiliki jati diri sebagai pendidik. Seorang graduan guru yang versatil dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi dan mempunyai fleksibiliti dalam pengurusan bilik darjah, pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran dan interaksi dengan pelbagai jenis murid, rakan sejawat, ibu bapa dan komuniti sekolah serta kompeten, berilmu pengetahuan dan mempunyai nilai-nilai murni (Faridah et al., 2023).

Sehubungan dengan itu, satu Model Pelajar Versatil IPG telah dibina menggunakan Teknik Fuzzy Delphi yang telah diaplikasikan untuk mendapatkan kesepakatan konsensus pakar bagi mengesahkan elemen-elemen Model Pelajar Versatil. Hasil dapatan awal kajian tersebut menunjukkan bahawa semua elemen dalam komponen utama diterima oleh pakar dengan konsensus melebihi 75% (Faridah et al., 2024). Walaupun dapatan awal ini menunjukkan bahawa para pakar dalam bidang pendidikan telah mencapai pemahaman dan persetujuan mengenai elemen-elemen utama yang harus ada dalam model ini, terdapat keperluan untuk membina satu instrumen yang komprehensif untuk mengesahkan kesahan konstruk. Namun, sebelum kesahan konstruk dilaksanakan, instrumen yang dibina berdasarkan dapatan hasil Teknik Fuzzy Delphi telah diberi kepada para pelajar IPG untuk mendapatkan konsepsi mereka tentang model versatil tersebut.

PERNYATAAN MASALAH

Bagi melahirkan guru yang versatil, kompeten dan berjiwa pendidik, Standard Guru Malaysia (SGM) telah diterbit oleh KPM pada tahun 2009. SGM ini mengandungi huraian tiga standard utama yang merangkumi pengetahuan dan kefahaman, kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta nilai profesion keguruan yang perlu dicapai oleh guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Pada tahun 2017, *Southeast Asia Teacher Competency Framework* (SEA-TCF) telah dihasilkan susulan daripada *Southeast Asian Ministers of Education Organisation (SEAMEO) High Officials Meeting on the Development of Regional Guidelines for Competency Standards for Teachers in*

Southeast Asia. Kesemua negara anggota SEAMEO bersetuju untuk menerima pakai dan mengadaptasi SEA-TCF sebagai kerangka kompetensi guru pada tahun 2018. Berasaskan SEA-TCF tersebut, KPM telah mengambil inisiatif awal untuk menyemak semula SGM. Maka, Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) dihasilkan dengan mengadaptasi kompetensi yang terdapat pada kerangka SEA-TCF (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Salah satu tujuan SGM 2.0 ialah guru dapat mengenal pasti standard kompetensi yang perlu dimiliki dan keperluan latihan bagi pembangunan kerjaya mereka. Selain SGM 2.0, Model Guru Futuristik Malaysia (GFM) juga dihasilkan yang selaras dengan misi Institut Pendidikan Guru yang ingin melahirkan guru yang sentiasa relevan pada masa kini dan masa hadapan serta mampu menghadapi cabaran serta berupaya mengadaptasi perubahan yang dinamik (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2022). Ini bermakna melahirkan guru yang versatil yang berupaya mengharungi dan mengadaptasi pelbagai situasi pada masa kini. Semua kerangka dan model yang dinyatakan di atas dituju kepada guru-guru dalam perkhidmatan. Sehingga kini, belum ada satu model yang dibangunkan untuk pelajar pra perkhidmatan dalam institusi pendidikan guru di Malaysia (Faridah et al., 2023). Oleh itu, satu model pelajar versatil IPG yang serba boleh, mengadaptasi diri dan dinamik dengan perubahan dan yang berterusan serta bersedia menghadapi pelbagai cabaran dengan strategi baharu telah dibangunkan pada peringkat awal untuk guru pra perkhidmatan (Faridah et al., 2023). Pelajar versatil IPG juga selaras dengan GFM yang menekankan ciri-ciri kemahiran yang perlu ada untuk menghadapi cabaran masa hadapan (Rosli Yacob et al., 2023). Berdasarkan model tersebut, satu instrumen soal-selidik yang komprehensif dibangunkan untuk mengkaji tahap konsepsi versatiliti pelajar di IPG sebelum kesahan konstruk dilaksanakan. Instrumen kajian tersebut meliputi komponen-komponen strategi pembelajaran, karakter pelajar, literasi digital dan inovatif serta inklusif yang menjurus kepada versatiliti pelajar IPG. Hasil dapatan kajian ini dapat membantu membentuk bakal guru yang inklusif, responsif dan versatil dalam konteks pendidikan masa kini dan masa depan serta menyediakan mereka dari segi minda dan emosi sebelum mereka memulakan perkhidmatan sebagai guru apabila tamat tempoh latihan.

TUJUAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah menguji tahap konsepsi semua elemen dalam komponen utama Model Pelajar Versati iaitu strategi pembelajaran, karakter pelajar, literasi digital dan inovatif serta inklusif. Maka, persoalan kajian ini adalah:


1. Apakah tahap konsepsi pelajar terhadap komponen strategi pembelajaran dalam Model Pelajar Versatil?
2. Apakah tahap konsepsi pelajar terhadap komponen karakter pelajar dalam Model Pelajar Versatil?
3. Apakah tahap konsepsi pelajar terhadap komponen literasi digital dan inovatif dalam Model Pelajar Versatil?
4. Apakah tahap konsepsi pelajar terhadap komponen inklusif dalam Model Pelajar Versatil?

TINJAUAN LITERATUR

Kerangka Model Pelajar Versatil IPG ini adalah berdasarkan Teori Ekologi Pembangunan Manusia oleh Bronfenbrenner (1979) yang menggariskan lima lapisan utama yang membentuk persekitaran individu. Kelima-lima lapisan ini adalah mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem, dan kronosistem. Setiap lapisan memainkan peranan penting dalam membentuk nilai-nilai peribadi seseorang individu. Secara umumnya, teori Bronfenbrenner menunjukkan bahawa nilai-nilai peribadi seseorang individu dibentuk oleh interaksi yang kompleks antara pelbagai lapisan ekologi dalam persekitarannya. Ini merangkumi hubungan dalam keluarga, sekolah, tempat kerja, masyarakat, dan faktor-faktor budaya yang lebih luas. Kesemua lapisan ini memberikan sumbangan penting dalam membentuk dan mempengaruhi pemahaman nilai-nilai peribadi individu.

Pembentukan karakter seorang guru yang versatil dapat dihubungkaitkan dengan faktor-faktor dalam hubungan interaksi dalam sistem ekologi Bronfenbrenner. Guru yang versatil perlu mampu mengintegrasikan pelbagai faktor dalam kesemua lapisan ini dalam pendekatan pengajaran mereka. Justeru, seorang guru yang versatil melibatkan interaksi yang kompleks antara lapisan-lapisan dalam teori Bronfenbrenner. Guru yang versatil ialah keupayaan seorang guru untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi, keperluan pelajar, gaya pembelajaran, dan perubahan dalam persekitaran pendidikan. Ia bukan sahaja tentang menguasai pelbagai mata pelajaran, tetapi juga mengenai fleksibiliti dalam pendekatan pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan interaksi dengan komuniti sekolah (Faridah Yacob et al., 2023). Keupayaan ini menjadi semakin kritikal dalam landskap pendidikan moden yang sentiasa berubah. Guru perlu memahami nilai-nilai peribadi mereka, berinteraksi dengan pelbagai pihak, mengambil kira perubahan dalam persekitaran pendidikan, dan memahami keperluan murid secara holistik. Ini dapat dikaitkan dengan Model Pelajar Versatil IPG yang telah dibangunkan melalui Teknik Fuzzy Delphi yang mempunyai empat komponen utama dalam pembangunan pelajar yang versatil iaitu karakter, strategi pembelajaran, literasi digital dan inovatif serta inklusif seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1
Model Pelajar Versatil IPGKIK



Berdasarkan rajah di atas yang merupakan konsensus pakar, komponen strategi pembelajaran merangkumi autonomi di mana pelajar mempunyai autonomi untuk menguasai pembelajaran kendiri dan mempunyai kebebasan menetapkan matlamat, memilih bahan dan kaedah dalam pembelajaran mereka. Prince (2004) menekankan pembelajaran aktif, menunjukkan kepentingan seseorang beralih daripada kaedah kuliah tradisional yang hanya menerima maklumat. Selain itu, pelajar mempunyai elemen pembelajaran inisiatif kendiri dengan melibatkan diri sepenuh dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya hasil pembelajaran mereka meningkat. Mereka mempunyai sokongan akademik dan sosial dengan memberi bantuan dan sokongan dalam aspek perkembangan akademik dan sosial secara individu atau kumpulan. Dari segi memotivasikan pembelajaran, pelajar sentiasa berminat untuk mengikuti pembelajaran mengikut tahap kebolehan mereka dari segi intrinsik dan ekstrinsik. Mereka juga dapat berkolaboratif dengan rakan-rakan dan dengan individu lain, institusi, sektor awam atau swasta secara formal dan tidak formal dalam membantu pencapaian dan peningkatan prestasi serta menyokong pembelajaran.

Bagi komponen karakter pelajar, ia merangkumi bertanggungjawab di mana pelajar menyedari dan mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah dengan menggunakan idea dan beberapa

pendekatan seperti pembelajaran secara berkumpulan atau pembelajaran koperatif. Fullen (2001) berpandangan seseorang yang serba boleh dapat memahami dan melaksanakan perubahan dengan menyesuaikan bahan pengajaran dan strategi penilaian mereka untuk selaras dengan objektif baharu. Dalam elemen sikap penyayang, pelajar menjalinkan hubungan mesra dengan semua pihak untuk meningkatkan motivasi, pembelajaran, pencapaian dan mengambil berat serta menunjukkan sifat empati untuk memastikan pengekalan fokus dan minat pada pengajaran. Di samping itu, mereka mempunyai sikap hormat dalam pelbagai rakan dan komuniti yang menghormati perbezaan dan persamaan antara individu. Mereka juga mempunyai kepimpinan bersifat insaniah yang menonjolkan keperibadian, perwatakan, dan amalan kepemimpinan yang dihormati dan disegani. Berhubung dengan sikap hormat ini, Hattie (2012) menyoroti kepentingan hubungan guru-pelajar dan guru-ibu bapa sebagai faktor yang memberi kesan besar kepada pembelajaran, dan ini memerlukan guru untuk bersikap responsif dan fleksibel. Dari segi elemen integriti, pelajar boleh mendukung prinsip integriti yang teguh dan utuh untuk melaksanakan tanggungjawab berasaskan nilai, sikap dan sahsiah yang baik dan kekal berpegang kepada ajaran agama bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan. Akhir sekali, mereka mempunyai daya tahan dan adaptasi untuk menghadapi dan mengatasi kesukaran dan cabaran dengan kebijaksanaan dan keyakinan serta dapat menyesuaikan diri dalam apa sahaja perubahan yang tidak dijangkakan. Pelajar yang versatil perlu menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan supaya sentiasa relevan pada masa kini dan masa hadapan (Rosli et al., 2023).

Komponen Literasi Digital dan Inovatif memperlihatkan pelajar mendalami ilmu teknologi digital dengan membangunkan teknologi digital terkini untuk pembelajaran dan berkeupayaan meningkatkan kemahiran menggunakan alat teknologi terkini. Seseorang yang versatil mempunyai keupayaan bersedia untuk mempelajari dan mengintegrasikan alatan serta platform digital baharu sama ada untuk pembelajaran dalam talian, sumber digital, atau alat kolaborasi (Prensky, 2001). Pelajar juga pencetus inovasi dengan berupaya menjana peluang baharu dan menyelesaikan isu dan masalah melalui penghasilan sesuatu inovasi serta menjadi contoh kepada rakan dan komuniti untuk mencipta inovasi bagi memenuhi keperluan pelbagai pembelajaran. Di samping itu, pelajar mengamal kemahiran berfikir seperti pemikiran kritis dan kreatif, pemikiran reka bentuk dan pemikiran lateral dalam konteks pembelajaran terkini dan juga untuk menghadapi cabaran dan menyelesaikan masalah-masalah untuk memenuhi pembelajaran individu yang relevan dengan abad ke-21 (Prensky, 2001).

Akhir sekali, dalam komponen inklusif, pelajar mempunyai kecerdasan emosi untuk mengenali dan memahami perasaan diri dan perasaan orang lain apabila berhadapan dengan situasi tertentu dalam elemen pembelajaran sosial emosi. Mereka juga dapat menggunakan pelbagai strategi serta pendekatan-pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam bilik kuliah untuk memberi kefahaman dan meningkatkan kemahiran bagi keperluan inklusif. Marzano et al. (2003) menekankan guru yang fleksibel mampu bertindak balas dengan cepat dan berkesan terhadap cabaran yang tidak dijangka, seperti masalah disiplin, isu teknikal, perubahan jadual, atau situasi kecemasan. Keupayaan ini membantu mengekalkan kelancaran proses pembelajaran. Mengikut Tomlinson (2017), setiap murid adalah unik dengan latar belakang, gaya pembelajaran, minat, dan tahap pemahaman yang berbeza. Oleh itu, guru yang versatil boleh dapat menggunakan pelbagai strategi pengajaran (contohnya, kuliah, perbincangan kumpulan, aktiviti berasaskan projek, pembelajaran digital) untuk memastikan semua pelajar dapat mengakses dan memahami maklumat. Bagi menyantuni Murid Berkeperluan Khas (MBPK), pelajar mempunyai pengetahuan mengenai ciri-ciri MBPK dan dapat mengesan MBPK. Pelajar yang versatil juga meraikan kepelbagaian individu dan budaya dengan menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti. Mereka tidak hanya fleksibel dalam pengajaran, tetapi juga dalam komunikasi dan interaksi. Mereka dapat menyesuaikan gaya komunikasi mereka untuk berhubung dengan pelajar dari pelbagai latar belakang dan juga bekerjasama secara berkesan dengan ibu bapa atau penjaga, yang mana setiap satunya mungkin mempunyai harapan dan kebimbangan yang berbeza (Hattie, 2012).

Bagi meningkatkan versatiliti pelajar yang bakal menjadi guru, beberapa langkah boleh diambil. Antaranya melatih diri untuk mengenal pasti keperluan unik setiap murid, sama ada murid tersebut memerlukan pembelajaran visual, memerlukan sokongan tambahan, atau mempunyai cabaran yang lebih besar yang memerlukan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran (Marzano et al., 2001).

Ini membolehkan sesorang menyesuaikan pengajaran untuk mencapai semua pelajar (Tomlinson, 2014).

Selain itu, pelajar perlu melibatkan diri dalam pembangunan profesional berterusan apabila mula bertugas sebagai guru yang bertauliah. Guru perlu sentiasa menghadiri bengkel seminar, kursus, dan persidangan pendidikan untuk memperolehi ilmu pengetahuan dan mengasah kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan pencapaian murid di sekolah. Guru yang versatil sentiasa terdedah dengan penyelidikan terkini, metodologi baharu, dan teknologi pendidikan (Darling-Hammond et al., 2009; DuFour et al., 2024).

Oleh itu, berdasarkan Model Versatil Pelajar IPG yang dibangunkan, satu instrumen soal selidik telah dihasilkan untuk mendapatkan konsepsi pelajar sebelum kesahan konstruk model ini dapat dikenal pasti. Item-item dalam instrumen soal selidik merupakan item-item yang telah dipersetujui oleh pakar-pakar melalui Teknik Fuzzy Delphi.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik yang dibangunkan adalah berdasarkan model Versatil Pelajar IPGKIK yang dibangunkan berdasarkan teknik *fuzzy* Delphi yang diperkenalkan oleh Murry et al. (1985). Teknik ini dibangunkan oleh Kaufman dan Gupta (1998) yang merupakan kombinasi antara teori set fuzzy dan teknik Delphi.

Instrumen soal-selidik merangkumi 4 komponen seperti dalam Rajah 1 iaitu Strategi Pembelajaran, Karakter, Literasi Digital dan Inovatif dan Inklusif. Dalam komponen Strategi Pembelajaran, terdapat lima elemen yang mempunyai 16 item manakala dalam komponen Karakter, terdapat enam elemen yang mempunyai 17 item. Komponen Literasi Digital dan Inovatif mempunyai tiga element yang merangkumi 10 item manakala komponen Inklusif mengandungi empat elemen yang mempunyai 14 item.

Sehubungan itu, satu ujian pra telah dilaksanakan sebelum kutipan data sebenar untuk memastikan kejelasan arahan dan item-item dalam soal-selidik supaya tiada kekaburan dalam soalan dan item-item tersebut (Memon et al., 2017; Sekaran & Bougie, 2026). Pengumpulan data telah dijalankan secara dalam talian. Kajian yang dilaksanakan dalam talian mempunyai kelebihan dari segi penjimatan kos dan sebaran laju (Creswell & Creswell, 2023). Ia juga dapat menghindarkan kesalahan memindahkan respons ke dalam pangkalan data yang boleh disebabkan oleh ralat manusia (Andrews et al., 2003).

Persampelan bertujuan dilaksanakan dalam kajian ini. Instrumen soal-selidik ini telah ditadbir kepada semua pelajar PISMP Ambilan Ogos 2021-Julai 2026 dan Ambilan Ogos 2021-Julai 2025 yang mempunyai seramai 391 responden daripada satu institusi Pendidikan Guru di Lembah Kelang. Pelajar daripada kedua-dua kohort ini dipilih kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai kursus dan hampir menamatkan program ijazah mereka. Oleh itu, segala ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diterima dapat menyediakan mereka sebagai pelajar yang versatil. Semua pelajar menjawab soal-selidik yang dilaksanakan secara dalam talian melalui *google form* selama 20 minit. Pelajar-pelajar daripada dua ambilan ini sebenarnya berada dalam kohort yang sama.

Kebolehpercayaan

Tahap kebolehpercayaan kajian dapat ditentukan dengan menggunakan interprestasi nilai Cronbach Alpha yang mempunyai julat antara 0.00 hingga 1.0. Sekiranya nilai julat menghampiri 1.0, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan berada pada tahap baik, tinggi, dan berkesan. Manakala, julat menghampiri 0.00 pula, ia menggambarkan tahap kebolehanpercayaan yang rendah. Jadual 1 menunjukkan panduan dalam mengintepretasi nilai tahap kebolehpercayaan Cronbach Alpha kajian ini.

Jadual 1
Jadual Interprestasi Skor Cronbach Alpha (Bond & Fox, 2015)

Skor Cronbach Alpha	Tahap Kebolehpercayaan
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Dapatan analisis kajian mendapati, nilai kebolehpercayaan yang merujuk kepada nilai Alpha Cronbach berada diantara 0.925 dan 0.948 seperti Jadual 2. Ini menunjukkan instrumen berada dalam keadaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsisten yang tinggi serta boleh diterima (Bond & Fox, 2015).

Jadual 2
Tahap Kebolehpercayaan Model Pelajar Versatil

	Komponen	Bilangan item	Cronbach's Alpha
1	Strategi pembelajaran	16	.938
2	Karakter	17	.948
3	Inklusif	14	.931
4	Litearsi digital dan inovatif	10	.925

DAPATAN KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan statistik deskriptif. Analisis deskriptif yang menggunakan skor min dan sisihan piawai adalah paling sesuai digunakan agar pengkaji mendapat maklumat berkenaan kesesuaian dan tahap konsepsi pelajar terhadap setiap elemen dalam komponen model ini. Skor min diukur berdasarkan Jadual 3 pengukuran skor min dan interpretasi oleh Nunnally & Bernstein (1994). Jadual pengukuran tahap skor min oleh Nunnally & Bernstein (1994) ini adalah berdasarkan kepada empat tahap pengukuran skor min. Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap persetujuan atau konsepsi responden.

Jadual 3
Jadual Interpretasi Skor Min (Nunnally & Bernstein, 1994)

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Psychometric Theory, 3rd edn, 1994(Nunnally & Bernstein, 1994)

Tahap Konsepsi Pelajar Terhadap Komponen Strategi Pembelajaran Dalam Model Pelajar Versatil

Jadual 4
Jadual Tahap Konsepsi Pelajar Terhadap Komponen Strategi Pembelajaran

Elemen	Bil item	Min	SP
Memupuk Autonomi	5	4.26	0.48
Pembelajaran Inisiatif Kendiri	2	4.30	0.50
Sokongan Akademik dan Sosial	3	4.20	0.50
Memotivasikan Pembelajaran	2	4.24	0.53
Kolaboratif dengan Rakan dan Komuniti	4	4.31	0.48
	16	**4.26**	**0.50**

Jadual 4 menunjukkan dapatan tahap konsepsi pelajar terhadap komponen strategi pembelajaran. Hasil dapatan menunjukkan semua elemen mempunyai min pada tahap yang tinggi.

Tahap Konsepsi Pelajar Terhadap Komponen Karakter Pelajar Dalam Model Pelajar Versatil

Jadual 5
Jadual Tahap Konsepsi Pelajar Terhadap Komponen Karakter Pelajar

Elemen	Bil item	Min	SP
Bertanggungjawab	2	4.19	0.50
Sikap Penyayang	2	4.25	0.50
Sikap Hormat	2	4.36	0.53
Kepimpinan Bersifat Insaniah	5	4.23	0.51
Berintergriti	2	4.32	0.51
Berdaya Tahan dan Adapatasi	4	4.17	0.54
	17	**4.25**	**0.52**

Jadual 5 menunjukkan dapatan tahap konsepsi pelajar terhadap komponen karakter pelajar. Hasil dapatan menunjukkan semua elemen mempunyai min pada tahap yang tinggi.

Tahap Konsepsi Pelajar Terhadap Komponen Literasi Digital Dan Inovatif Dalam Model Pelajar Versatil

Jadual 6
Jadual Tahap Konsepsi Pelajar Terhadap Komponen Literasi Digital dan Inovatif

Elemen	Bil item	Min	SP
Mendalami Ilmu Teknologi Digital	4	4.23	0.48
Pencetus Inovasi	3	4.12	0.56
Pengamal Kemahiran Berfikir	3	4.13	0.53
	10	**4.16**	**0.52**

Jadual 6 menunjukkan dapatan tahap konsepsi pelajar terhadap komponen literasi digital dan inovatif. Hasil dapatan menunjukkan semua elemen mempunyai min pada tahap yang tinggi.

Tahap Konsepsi Pelajar Terhadap Komponen Inklusif Dalam Model Pelajar Versatil

Jadual 7
Jadual Tahap Konsepsi Pelajar Terhadap Komponen Inklusif

Elemen	Bil item	Min	SP
Pembelajaran Sosial Emosi	5	4.23	0.48
Menggunakan Pelbagai Strategi	2	4.24	0.49
Menyantuni mengenai MBPK	3	4.20	0.58
Meraikan Kepelbagaian Individu dan Budaya	4	4.27	0.49
	14	**4.24**	**0.51**

Jadual 7 menunjukkan dapatan tahap konsepsi pelajar terhadap komponen inklusif. Hasil dapatan menunjukkan semua elemen mempunyai min pada tahap yang tinggi.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan menunjukkan tahap konsepsi pelajar terhadap komponen strategi pembelajaran, karakter, literasi digital dan inovatif dan inklusif adalah tinggi. Ini menunjukkan pelajar IPG mengetahui dan melaksanakan tugas bakal guru dengan versatili yang tinggi, kompeten dan berjiwa pendidik selaras dengan PdP abad ke 21.

Bagi komponen Strategi Pembelajaran, min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.26 menunjukkan pelajar dapat menguasai pembelajaran kendiri dan mempunyai pembelajaran inisiatif kendiri dalam pembelajaran mereka. Pelajar lebih ke arah pembelajaran aktif, melibatkan diri sepenuh dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya hasil pembelajaran mereka meningkat (Prince, 2004). Selain itu, mereka dapat memberi bantuan dan sokongan dari aspek akademik dan sosial kepada diri mereka atau dalam kumpulan. Mereka sentiasa mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan hasil pembelajaran mereka dan dapat berkolaboratif dengan orang lain (Coffman, 2010).

Bagi komponen Karakter, min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.25 menunjukkan pelajar bertanggungjawab mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah dalam pembelajaran dan mempunyai pendekatan aktif untuk belajar secara kendiri atau kumpulan berdasarkan objektif pembelajaran (Fullan, 2001). Min yang tinggi juga menunjukkan pelajar dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak kepentingan bagi meningkatkan pencapaian dan pengekalan fokus dan minat pada pengajaran. Ini adalah selaras dengan kualiti guru yang diperlukan dalam SGM 2.0 yang dapat menonjolkan ciri-ciri profesionalisme dengan orang lain, dalam organisasi dan semasa menjalankan tugas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Selain itu, mereka menghormati pelbagai perbezaan dan persamaan antara individu. Kajian yang dilakukan oleh Hattie (2012) menunjukkan kepentingan guru yang bersikap responsif dan fleksibel daapt mengekalkan hubungan ahli komuniti pendidikan dengan baik yang dapat memberi impak yang besar terhadap pembelajaran.

Bagi komponen Literasi Digital dan Inovatif, min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.16 menunjukkan pelajar berkeyakinan mendalami ilmu teknologi digital untuk pembelajaran dan berkeupayaan meningkatkan kemahiran menggunakan alat teknologi terkini. Namun, item yang menunjukkan min paling rendah (4.12) menunjukkan pelajar masih memerlukan keyakinan sebagai pencetus inovasi. Dari segi itu, pelajar memerlukan latihan yang berterusan dan motivasi untuk mendalami ilmu terkini tentang teknologi digital supaya yakin dan percaya terhadap kemampuan diri sebagai pencetus inovasi. Mereka perlu hadiri bengkel, seminar, kursus dalam talian, dan persidangan

pendidikan serta menyertai komuniti pembelajaran profesional (PLC) di sekolah seperti *peer coaching*, *Lesson Study* dan *Teacher Sharing Session* apabila menjadi guru bertauliah untuk sentiasa terkini dengan penyelidikan terkini, metodologi baharu, dan teknologi pendidikan (Darling-Hammond et al., 2009; DuFour et al., 2024).

Bagi komponen Inklusif, min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.24 menunjukkan pelajar mempunyai kecerdasan sosial emosi untuk mengenali dan memahami perasaan diri dan perasaan orang lain apabila berhadapan dengan cabaran atau isu tertentu. Mereka juga akan mengaplikasikan pelbagai strategi serta pendekatan-pendekatan untuk meningkatkan kemahiran bagi keperluan inklusif. Mereka dapat menggunakan pelbagai strategi pengajaran untuk mengendalikan gaya pembelajaran pelbagai latar belakang murid yang berbeza (Tomlinson, 2014). Mereka yakin mereka merupakan bakal guru yang serba boleh dan versatil meraikan kepelbagaian individu dan budaya.

Sehubungan dengan itu, dapatan kajian menunjukkan pelajar PISMP Ambilan Ogos 2021-Julai 2026 dan Ambilan Ogos 2021-Julai 2025 IPG mempunyai pandangan bahawa mereka merupakan bakal guru yang versatil, kompeten dan jiwa pendidik dari segi strategi pembelajaran, karakter, literasi digital and inovatid dan inklusif. Walaubagaimanapun, satu tindakan lanjutan perlu diambil untuk mengesahkan konstruk dalam instrumen yang dibangunkan ini.

Dari segi limitasi, kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar daripada satu institusi Pendidikan Guru sahaja. Selain itu, kajian ini hanya merupakan tinjauan awal persepsi para pelajar dan kesahan konstruk belum dilaksanakan.

Dicadangkan kajian lanjutan dilaksanakan terhadap ke semua 26 institusi pendidikan guru yang lain untuk mendapatkan konsepsi pelajar-pelajar tersebut selepas kesahan konstruk dilaksanakan.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan tahap konsepsi versatiliti pelajar terhadap ke semua komponen model berada pada tahap tinggi. Di peringkat ini, ia mengesahkan kesesuaian, keberterimaan dan potensi model ini dalam membentuk bakal guru yang inklusif, responsif dan versatil dalam pandangan para pelajar. Instrumen yang dibangunkan pada peringkat awal ini menunjukkan tahap konsisten yang tinggi dan boleh diterima.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa model awal yang dibangunkan berjaya memenuhi keperluan pembentukan bakal guru masa kini yang berdaya saing, fleksibel dan mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi pendidikan. Tahap konsepsi versatiliti yang tinggi turut memperlihatkan keyakinan pelajar terhadap keberkesanan model pada peringkat awal ini.

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Dorothy Dewitt yang telah memberi ulasan dan pandangan beliau terhadap artikel kami.

Kenyataan konflik kepentingan

Tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh penulis.

RUJUKAN

Andrews, D., Nonnecke, B., & Preece, J. (2003). Electronic survey methodology: A case study in reaching hard to involve internet users. International Journal of Human-Computer Interaction, 16(2), 185-210. https://doi.org/10.1207/S15327590IJHC1602_04.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2026). *Rancangan Pendidikan Malaysia (2026-2035)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences* (3rd ed.). Routledge.

Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by design and nature.* Harvard University Press.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design. Qualitative, quantitative, and mixed method approaches* (6th ed.). SAGE.

Coffman, S. J. (2003). Ten strategies for getting students to take responsibility for their learning. *College Teaching*, *51*(1), 2 - 4. https://doi.org/10.1080/87567550309596401.

Darling-Hammond, L., Wei, R. C., Andree, A., Richardson, N., & Orphanos, S. (2009). *Professional learning in the learning profession: A status report on teacher development in the United States and abroad.* National Staff Development Council.

DuFour, R., DuFour, R., Eaker, R., & Many, T. (2024). *Learning by doing: A handbook for professional learning communities at work* (4th ed.). Solution Tree.

Faridah Yakob, Lee Leh Hong, Ilhavenil Narinasamy, Zurani Idris, Liza Isyqi Ramli, & Lim Chin Yin. (2023). Pembangunan model pelajar versatil Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK): Satu dapatan awal. *Jurnal Pendidikan Serantau, 10*, 125-135.

Fullan, M. (2001). *The new meaning of educational change*. Teachers College Press.

Hattie, J. (2012). *Visible learning for teachers: Maximizing impact on learning*. Routledge.

Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2022). *Kajian pembangunan model guru futuristik Malaysia (GFM)*. Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. https://anyflip.com/cgupw/jzhy/basic

Kaufmann, A., & Gupta, M. M. (1988). *Fuzzy Mathematical Models in Engineering and Management Science*. Elsevier Science Inc.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Standard Guru Malaysia 2.0*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Marzano, R. J., Marzano, J. S., & Pickering, D. J. (2003). *Classroom management that works: Research-based strategies for every teacher*. ASCD

Memon, M. A., Ting, H., Ramayah, T., & Chuah, F. (2017). A review of the methodological misconceptions and guidelines related to the application of structural equation modeling: A Malaysian scenario. Journal of Applied Structural Equation Modeling, 1(1), i-xiii. https://jasemjournal.com/home/archive/vol-1-issue-1/

Murray, T. J., Pipino, L. L., & Gigch, J. P. (1985). A pilot study of fuzzy set modification of Delphi. *Human System Management, 5*, 76-80.

Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.

Prensky, M. (2001). Digital natives, digital immigrants, part 1. *On The Horizon, 9*(5), 3-6. http://dx.doi.org/10.1108/10748120110424816

Prince, M. J. (2004). Does active learning work? A review of the research. *Journal of Engineering Education, 93*(3), 223-231. https://doi.org/10.1002/j.2168-9830.2004.tb00809.x

Tomlinson, C. A. (2014). *The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners*. ASCD.

Tomlinson, C. A. (2017). *How to differentiate instruction in academically diverse classrooms*. ASCD.

Rosli Yacob, Mazlan Aris, Rusmini Ku Ahmad, Mohd Nasrudin Basar, Khairah @ Asma'a Baharun, Syed Ismail Syed Mustapa, Shamsazila Sa'aban, Azahar Aziz, Salmiah Md Salleh, Rusminah Musliman, & Shamsul Nizam Kachi Mohideen. (2023). Model Guru Futuristik Malaysia (Gfm): Pembinaan elemen menggunakan Teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 10*(3), 1-12.

Segaran, U., & Bougie, R. (2026). *Research methods for business: A skill building approach*. (9th ed.). Wiley.

Xuehui, A. (2018). Teacher salaries and the shortage of high-quality teachers in China's rural primary and secondary schools. *Chinese Education & Society, 51*(2), 103-116.

Wang, R. J., & Shih, Y. H. (2022). Improving the quality of teacher education for sustainable development of Taiwan's education system: A systematic review on the research issues of teacher education after the implementation of 12-year national basic education. *Frontiers in Psychology*, 13, 921839.

Lampiran

BORANG SOAL SELIDIK

MODEL PELAJAR VERSATIL IPGKIK

Bahagian A: Demografi Pelajar

Jantina: ___ Lelaki ___ Perempuan

Ambilan: ___ Ogos 2021 – Julai 2025

___ Ogos 2021 – Julai 2026

Jurusan: ___ Pendidikan Khas Pembelajaran

___Pendidikan Khas Penglihatan

___Pendidikan Khas Pendengaran

___Pendidikan Muzik

___Pendidikan Seni Visual

___Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

___Pendidikan Islam

___ Pengajian Bahasa Melayu

___TESL

Bahagian B: Ciri-ciri Pelajar Versatil

Konsep pelajar versatil adalah pelajar yang serba boleh menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah-ubah dan dinamik, bersedia dan boleh menggunakan pelbagai cara untuk menghadapi cabaran. Seorang pelajar yang serba boleh dan sanggup mengambil risiko dan menggunakan strategi baharu apabila menghadapi perkara yang tidak dijangka.

Skala:

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Arahan: Sila baca setiap pernyataan dan isikan mengikut skala yang diberi.

Sebagai pelajar yang versatil perlu mempunyai ciri-ciri yang disenaraikan di bawah:

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Komponen Strategi Pembelajaran						
E1	**Autonomi** **Definisi:** Pelajar boleh memupuk autonomi dengan menggalakkan diri menguasai pembelajaran kendiri. Mempunyai kebebasan menetapkan matlamat, memilih bahan dan kaedah dalam pembelajaran mereka.					
	1.1 Saya mempunyai autonomi untuk menentukan hala tuju pembelajaran kendiri					
	1.2 Saya mempunyai autonomi supaya dapat menguasai pembelajaran kendiri.					
	1.3 Saya mempunyai kebebasan untuk memilih bahan pembelajaran sendiri.					
	1.4 Saya mempunyai kebebasan untuk memilih kaedah pembelajaran sendiri.					
	1.5 Saya mempunyai kebebasan untuk menetapkan matlamat pembelajaran sendiri.					
E2	**Pembelajaran inisiatif kendiri** **Definisi:** Pelajar boleh mengambil inisiatif sendiri dan melibatkan diri sepenuh dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya hasil pembelajaran mereka meningkat. (PI)					
	2.1 Saya boleh mengambil inisiatif sendiri untuk belajar.					
	2.2 Saya boleh melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya dapat meningkatkan pencapaian.					
E3	**Sokongan akademik dan sosial** **Definisi:**					

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
	Pelajar boleh memberi bantuan dan sokongan dalam aspek perkembangan akademik dan sosial secara individu atau kumpulan. Boleh memberi sokongan akademik dari segi mempelbagaikan kaedah mengajar, bantuan pengajaran yang lain ataupun sumber-sumber yang boleh digunakan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan. (PI)					
	3.1 Saya boleh memberi sokongan akademik dari segi mempelbagaikan sumber-sumber yang boleh digunakan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan					
	3.2 Saya boleh memberi bantuan dan sokongan dalam aspek perkembangan akademik dan sosial secara individu atau kumpulan					
	3.3 Saya boleh memberi sokongan akademik dari segi mempelbagaikan kaedah belajar untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan.					
E4	**Memotivasikan pembelajaran** **Definisi:** Pelajar sentiasa berminat untuk mengikuti pembelajaran mengikut tahap kebolehan mereka. Dapat menggalakkan diri untuk belajar melalui motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.					
	4.1 Menggalakkan diri untuk belajar melalui motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.					
	4.2 Sentiasa berminat untuk mengikuti pembelajaran mengikut tahap kebolehan.					
Komponen Karakter Pelajar						
E5	**Bertanggungjawab** **Definisi:** Pelajar menyedari dan mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah dengan menggunakan idea dan beberapa pendekatan seperti pembelajaran secara berkumpulan atau pembelajaran					

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
	koperatif. Pelajar boleh memberikan idea, berbincang dan berinteraksi antara satu sama lain dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri. (PI)					
	5.1 Boleh mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah dengan menggunakan idea dan beberapa pendekatan seperti pembelajaran secara berkumpulan atau pembelajaran koperatif.					
	5.2 Boleh memberikan idea, berbincang dan berinteraksi antara satu sama lain dan belajar untuk menyelesaikan masalah.					
E6	**Mengamalkan sikap penyayang** **Definisi:** Pelajar menjalinkan hubungan mesra dengan semua pihak untuk meningkatkan motivasi, pembelajaran dan pencapaian. Mengambil berat dan menunjukkan sifat empati untuk memastikan pengekalan fokus dan minat pada pengajaran.					
	6.1 Menjalinkan hubungan mesra dengan semua pihak untuk meningkatkan motivasi, pembelajaran dan pencapaian					
	6.2 Mengambil berat dan menunjukkan sikap empati untuk memastikan pengekalan fokus dan minat pada pembelajaran.					
E7	**Sikap hormat dalam kalangan rakan dan komuniti** **Definisi:** Pelajar menghormati perbezaan dan persamaan antara individu (SGM 2.0)					
	7.1 Sikap hormat menghormati dalam kalangan rakan dan komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dari segi sosial, ekonomi dan perbezaan individu					

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
	7.2 Sikap menghargai pendapat dan tindakan yang berbeza serta memberi layanan yang bersopan dalam kalangan rakan dan komuniti.					
E8	**Kepimpinan Bersifat Insaniah** **Definisi:** Pelajar berupaya untuk menonjolkan keperibadian, perwatakan, dan amalan kepemimpinan yang dihormati dan disegani (SGM 2.0)					
	8.1 Mengamalkan etika dan nilai-nilai murni kepada rakan dan komuniti.					
	8.2 Mengamalkan ciri-ciri kesukarelawan dalam aktiviti sosial atau profesional.					
	8.3 Menjadi suri teladan dalam amalan nilai-nilai murni dan etika kepada rakan dan komuniti.					
	8.4 Mendorong amalan nilai-nilai murni dan etika dalam kalangan rakan dan komuniti.					
	8.5 Menjiwai nilai keusahawanan dan meneroka peluang secara manfaat melalui nilai keusahawanan.					
E9	**Berintegriti** **Definisi:** Pelajar boleh mendukung prinsip integriti yang teguh dan utuh untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar. Melaksanakan tanggungjawab berasaskan nilai, sikap dan sahsiah yang baik dan kekal berpegang kepada ajaran agama bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan. (GF).					

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
	9.1 Mendukung prinsip integriti yang teguh dan utuh untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar.					
	9.2 Melaksanakan tanggungjawab berasaskan nilai, sikap dan sahsiah yang baik berpegang kepada ajaran agama.					
E10	**Daya Tahan dan Adaptasi** **Definisi:** Pelajar mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran dan cabaran dengan kebijaksanaan dan keyakinan serta dapat menyesuaikan diri dalam apa sahaja perubahan yang tidak dijangkakan					
	10.1 Mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan dan keyakinan.					
	10.2 Dapat menyesuaikan diri dalam apa sahaja perubahan dan cabaran yang tidak dijangkakan.					
	10.3 Mempunyai emosi yang stabil untuk menghadapi cabaran yang tidak dijangkakan.					
	10.4 Berani membuat keputusan semasa menghadapi cabaran dan tidak takut gagal.					
E11	**Pembelajaran Sosial Emosi** **Definisi** Pelajar mempunyai kecerdasan emosi untuk mengenali dan memahami perasaan diri dan perasaan orang lain apabila berhadapan dengan situasi tertentu. Pelajar juga mempunyai kemahiran sosial yang dapat menyesuaikan diri dengan orang lain serta dapat menjalinkan hubungan interpersonal dan memimpin dengan berkesan.					
	11.1 Dapat mengenali dan memahami perasaan diri apabila berhadapan dengan situasi yang mencabar.					

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
	11.2 Dapat mengenali dan memahami perasaan orang dalam situasi yang mencabar.					
	11.3 Mampu menerima dan menghormati pandangan orang lain.					
	11.4 Boleh berinteraksi dan mempunyai hubungan positif dengan pelbagai pihak.					
	11.5 Mempunyai keyakinan memimpin rakan-rakan dalam pelbagai situasi					
Komponen Literasi Digital dan Inklusif						
E12	**Menggunakan pelbagai strategi** **Definisi:** Pelajar menggunakan pelbagai strategi serta pendekatan-pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam bilik kuliah untuk memberi kefahaman dan meningkatkan kemahiran bagi keperluan inklusif. (PI)					
	12.1 Belajar dengan pelbagai pendekatan-pendekatan yang boleh diaplikasikan untuk meningkatkan kemahiran bagi keperluan inklusif.					
	12.2 Belajar dengan pelbagai strategi yang boleh diaplikasikan untuk meningkatkan kemahiran bagi keperluan inklusif.					
E13	**Mendalami Ilmu Teknologi Digital** **Definisi:** Pelajar boleh membangunkan teknologi digital terkini untuk pembelajaran dan berkeupayaan meningkatkan kemahiran menggunakan alat teknologi terkini.(GF)					
	13.1 Mengenal pasti informasi/sumber-sumber digital yang sesuai dalam pembelajaran inklusif.					

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
	13.2 Berkemahiran menggunakan alat dan aplikasi teknologi digital dalam pembelajaran.					
	13.3 Menggunakan teknologi digital dengan selamat dan bertanggungjawab.					
	13.4 Membangunkan aplikasi teknologi digital dalam pembelajaran.					
E14	**Pencetus Inovasi** **Definisi:** Pelajar berupaya menjana peluang baharu dan menyelesaikan isu dan masalah melalui penghasilan sesuatu inovasi serta menjadi contoh kepada rakan dan komuniti untuk mencipta inovasi bagi memenuhi keperluan pelbagai pembelajaran					
	14.1 Menjadi contoh kepada rakan dan komuniti untuk mencipta inovasi bagi memenuhi keperluan pelbagai pembelajaran.					
	14.2 Menjanakan peluang baharu dan menyelesaikan isu dan masalah melalui penghasilan sesuatu inovasi.					
	14.3 Mengenal pasti isu atau masalah dalam pembelajaran.					
E15	**Pengamal Kemahiran Berfikir** **Definisi:** Pelajar dapat mempelbagaikan kemahiran berfikir seperti pemikiran kritis dan kreatif, pemikiran reka bentuk dan pemikiran lateral dalam konteks pembelajaran terkini dan juga untuk menghadapi cabaran dan menyelesaikan masalah-masalah untuk memenuhi pembelajaran individu					
	15.1 Dapat berfikir secara kritis dan kreatif					
	15.2 Dapat mengaplikasikan pemikiran reka bentuk (design thinking) dalam konteks pembelajaran					

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
	15.3 Daapt berfikir secara lateral dalam menyelesaikan masalah					
E16	**Berpengetahuan mengenai MBPK (Murid Berkeperluan Khas).** **Definisi:** Pelajar mempunyai pengetahuan mengenai ciri-ciri MBPK dan dapat mengesan MBPK.					
	16.1 Mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang MBPK					
	16.2 Melibatkan diri dalam aktiviti MBPK (Inklusif).					
	16.3 Mempunyai kemahiran untuk mengesan ketidakupayaan MBPK					
Komponen Kolaboratif						
E17	**Kolaboratif dengan rakan dan komuniti** **Definisi:** Pelajar boleh berinteraksi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan untuk peningkatan prestasi dan pencapaian. Boleh berinteraksi dan berkolaborasi dengan individu lain, institusi, sektor awam atau swasta secara formal dan tidak formal dalam membantu pencapaian dan menyokong pembelajaran.					
	17.1 Bersikap terbuka semasa berinteraksi dengan rakan dan komuniti.					
	17.2 Berinteraksi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian.					
	17.3 Berkolaboratif dalam kalangan rakan seperti bekerjasama, menerima pandangan yang berbeza dan mempunyai interaksi dua hala untuk menyokong pembelajaran.					
	17.4 Berinteraksi dan berkolaborasi dengan individu lain, institusi, sektor awam atau swasta baik secara formal					

Bil	Dimensi/Elemen	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
	dan tidak formal dalam membantu pencapaian.					
E18	**Meraikan Kepelbagaian Individu dan Budaya** **Definisi:** Pelajar berupaya untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti					
	18.1 Mengamalkan sikap menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti.					
	18.2 Menjadi suri teladan bagi menghormati perbezaan dan persamaan antara individu dengan komuniti					
	18.3 Memahami emosi kendiri dan individu lain serta menerima kepelbagaian situasi untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran.					
	18.4 Membudayakan amalan inklusif dalam kalangan rakan dan komuniti.					